

13 APR 2000

Mahkamah-Anwar

UMMI TANDATANGAN AKUAN BERKANUN DI PEJABAT SEORANG DATUK

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini diberitahu Ummi Hafilda Ali menandatangani surat akuan berkanun di hadapan seorang pesuruhjaya sumpah di pejabat seorang ahli perniagaan pada 1998.

Pesuruhjaya sumpah Ngui Kee Heong, 59, berkata Ummi Hafilda menandatangani surat berkenaan di hadapannya pada 23 Jun 1998, setelah beliau (Ngui) dipanggil ke pejabat ahli perniagaan Datuk Sng Chee di Jalan Sultan Ismail di sini.

Beliau berkata Ummi ditemani Sng dan Yeoh Chong Keng semasa menandatangani surat berkenaan yang kemudiannya beliau mengakuinya.

Ngui berkata demikian pada perbicaraan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang kini di peringkat membela diri terhadap pertuduhan berasingan meliwat Azizan Abu Bakar.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, dituduh melakukan perbuatan itu di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bukit Bandaraya di sini antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, ahli perniagaan juga menghadapi tuduhan bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan, bekas pemandu Datin Seri Wan Azizah Ismail, pada masa dan di tempat yang sama.

Semasa menjawab pertanyaan peguam Gurbachan Singh, Ngui berkata beliau juga mengakui surat akuan berkanun Azizan yang ditandatangani di hadapannya di pejabatnya (Ngui) di Wisma Tan Peh, Jalan Masjid India di sini.

Menjawab soalan Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Azahar Mohamed, Ngui berkata Azizan menandatangani buku daftar akuan berkanun dan terdapat tandatangan orang lain di sebelah tandatangannya.

Ngui berkata beliau tidak ingat siapa yang menandatangani buku daftar itu bersama Azizan dan beliau tidak dipengaruhi orang berkenaan untuk mengakui dokumen itu.

Katanya beliau tidak mengetahui sama ada Azizan membuat laporan polis berhubung surat akuan itu tetapi beliau (Ngui) telah dipanggil polis untuk memberi kenyataan mengenainya.

(Mahkamah tidak diberitahu mengenai kandungan surat akuan berkanun Ummi Hafilda dan Azizan itu tetapi pada perbicaraan yang lepas disebutkan bahawa surat akuan Ummi berhubung penafiannya membekalkan suratnya kepada Perdana Menteri kepada penulis buku "50 Dalil mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

(Surat akuan Azizan pula menafikan apa yang dikatakan mengenai dalam buku berkenaan.)

Ngui berkata beliau tidak mengetahui siapa yang menyediakan kedua-dua surat akaun berkenaan dan bagi surat akuan berkanun Ummi Hafilda, beliau hanya mengetahui ianya bagi wanita itu setelah beliau masuk ke pejabat Sng.

Mahkamah yang sepatutnya mendengar hujah berkaitan isu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi esok, ditangguhkan sehingga Isnin ini setelah Hakim Datuk Arifin Jaka mempunyai perkara penting yang perlu dilakukan.

-- BERNAMA

nhd rhm